

Keberkesanan Penggunaan Peta Pemikiran Dalam Program I-THINK Bagi Meningkatkan Tahap Penguasaan Pelajar Dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam

Zarina Ashikin Zakaria¹, Norhana Abdullah¹, Normazla Ahmad Mahir¹, Dr Suzannah Selamat¹ & Kharyati Md Bahir²

¹Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia

²Sekolah Kebangsaan Indahpura 1

¹zarina@usim.edu.my, ¹hana66@usim.edu.my, ¹normazla@usim.edu.my,

¹suzannah@usim.edu.my,²kharyati@gmail.com

ABSTRAK

Pengenalan- Program i-THINK adalah satu program hasil kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan Agensi Inovasi Malaysia (AIM) yang bertujuan untuk mempertingkatkan dan membudayakan kemahiran berfikir di kalangan para pelajar ke arah menghasilkan para pelajar berinovatif. Peta pemikiran i-THINK berbentuk peta buih berganda telah dipilih untuk digunakan untuk kajian ini.

Objektif – Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti keberkesanan penggunaan peta pemikiran di dalam program i-THINK bagi meningkatkan tahap penguasaan pelajar tahun 5 dalam subjek Pendidikan Islam di bawah topik Tayammum.

Methodologi – Pelbagai teknik kajian digunakan untuk memperolehi data iaitu temubual, soal selidik dan ujian pra dan ujian pasca.

Dapatan – Hasil kajian mendapati dengan penggunaan peta pemikiran i-THINK ini, minat para pelajar terhadap pembelajaran meningkat dan secara tidak langsung ia membantu mencetuskan inovasi dan kreativiti di kalangan para pelajar. Sekali gus, ini meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) mereka.

Kepentingan – Guru-guru boleh memanfaatkan penggunaan peta buih ini di dalam pembelajaran untuk menarik minat para pelajar terhadap sesuatu mata pelajaran dan secara tidak langsung meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi mereka.

Kata Kunci: Program i-THINK, Peta buih, KBAT

Pengenalan

i-THINK merupakan satu program yang bertujuan untuk meningkatkan dan membudayakan kemahiran berfikir di kalangan para pelajar ke arah menghasilkan pelajar berinovatif. Guru dan murid akan menggunakan alat berfikir di dalam pengajaran dan pembelajaran disamping melaksanakan aktiviti kemahiran aras tinggi.

i-THINK bermaksud *innovative thinking* (Pemikiran Inovatif) yang bertujuan untuk mempertingkatkan dan membudayakan kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar ke arah menghasilkan pelajar yang kreatif, kritis dan inovatif. Program ini merupakan hasil Kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan Agensi Inovasi Malaysia (AIM) serta telah dirintis di 10 buah sekolah iaitu 4 buah Sekolah Rendah, 4 Sekolah Menengah, 1 Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan 1 Sekolah Jenis Kebangsaan Cina sebelum diperluaskan ke seluruh Malaysia.

Program ini bertujuan untuk melahirkan modal insan masa depan yang mempunyai pemikiran inovatif serta dapat mempertingkatkan dan membudayakan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) di kalangan pelajar seta menghasilkan pelajar berinovatif. Program ini berfokus kepada penggunaan peta pemikiran secara visual yang mudah digunakan dan difahami merentasi kurikulum. Salah satu permasalahan kajian ini ialah para pelajar menghadapi masalah untuk memahami serta ,mengingati tajuk Tayammun di dalam mata pelajaran Pendidikan Islam Tahun 5.

Manusia dijadikan oleh Allah swt mempunyai kemampuan atau kelebihan serta kelemahan yang berbeza-beza. Keupayaan dalam menguasai sesuatu bidang juga tidak sama antara satu sama lain biarpun secara biologinya manusia diciptakan dengan system pemikiran (otak) yang sama. Namun begitu, dari segi penguasaan, terdapat manusia lebih cenderung menggunakan otak kanannya berbanding otak kirinya dan begitu juga sebaliknya.

Begitu juga halnya dengan kemampuan mengingat, setiap manusia mempunyai kemampuan yang berbeza bergantung kepada bagaimana cara minda mereka dijana atau dimanipulasi. Kebanyakan ahli psikologi menyatakan bahawa daya ingatan perlu dirangsang pada setiap masa. Jika tidak, ada kemungkinan ia akan dirosakkan oleh sikap kita sendiri yang tidak memahami prinsip ingatan itu sendiri, iaitu 'jika tidak digunakan, ia akan hilang.' Ini bermakna lebih kerap kita menggunakan ingatan, kita akan membiasakan diri dengan maklumat dan pengetahuan yang ingin dikekalkan.

Kajian ini dijalankan untuk melihat sejauh mana alat pemikiran ini berupaya meingkatkan kefahaman para pelajar dalam mempelajari tajuk Tayammun dan seterusnya mampu mengingat fakta yang dipelajari dan dapat diamalkan di dalam kehidupan seharian.

Sorotan Kajian literatur

Teori pembelajaran bermakna telah dipilih dalam menyelesaikan kajian ini. Teori pembelajaran bermakna ialah satu idea pembelajaran bermakna yang dinina daripada teori yang diasaskan oleh Ausubel (1963) dalam Woolfolk (1994). Ausubel (1963) dalam Ee Ah

Meng (2005) menyatakan segala maklumat yang dipelajari melalui cara yang lebih bermakna dapat diasimilisasikan ke dalam struktur kognitif sedia ada. Struktur kognitif ini merupakan pengetahuan sedia ada yang terdiri daripada fakta, konsep dan generalisasi pernah dipelajari oleh para pelajar.

Ausubel menekankan bahawa maklumat yang dipelajari secara bermakna dapat diingat dengan lebih lama berbanding dengan apa yang dipelajari secara hafalan. Ini selaras dengan pandangan Novak (1993) yang menyatakan bahawa apabila seseorang menghafal maklumat, maklumat itu hanya boleh disimpan untuk jangka masa pendek iaitu ingatan hanya boleh memegang 7 item sahaja. Seseorang yang pintar hanya boleh mengingat 7 item sahaja daripada maklumat yang dipelajari.

Terdapat beberapa kajian-kajian terdahulu yang telah dijalankan. Kajian yang pertama dijalankan oleh Ezwany binti Azmi & Siti Rahimah binti Hamat@Mamat. Dengan tajuk kajian 'Keberkesanan Peta Minda untuk Meningkatkan Daya Ingatan Murid Tahin 4 dalam Mengenal nama Negeri dan Ibu Negeri di Malaysia.' Kajian ini melibatkan murid-murid dari Sekolah Kebangsaan Sultan Sulaiman 2, Kuala Terengganu. Seramai 5 orang peserta kajian telah dipilih iaitu 3 orang murid lelaki dan 2 orang murid perempuan kelas 4 Ibnu Tufail iaitu kelas yang terakhir dalam aliran tahun 4. Murid-murid ini dipilih memandangkan pengkaji telah menilai lembaran kerja yang telah diberi kepada mereka atau dikenali sebagai ujian pra yang dijalankan oleh pengkaji.

Metodologi yang digunakan ialah kuantitatif. Instrumen penilaian pengkaji adalah menggunakan soal selidik dan juga ujian (ujian pra dan ujian pasca). Pengumpulan data pula berbentuk analisis dan peratusan. Data yang dikumpulkan menunjukkan pencapaian murid dalam tajuk Nama negeri dan Ibu Negeri di Malaysia bagi subjek Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan telah meningkat melalui penggunaan Teknik peta minda iaitu daripada dua orang mendapat gred E dan tiga orang mendapat gred D dalam ujian pra kepada dua orang mendapat gred B dan tiga orang mendapat gred A dalam ujian pasca. Peningkatan skor daripada 24.6% kepada 81.6%. Namun sampel kajian sangat sedikit dan diharapkan kajian akan datang menumpukan kepada sampel kajian yang lebih ramai agar keputusan lebih tepat.

Kajian kedua pula telah dijalankan oleh Zahara Aziz dan Nurliah Jair (2009) dengan tajuk kajiannya Penggunaan Peta Konsep untuk meningkatkan Pencapaian Mata Pelajaran Sejarah bagi pelajar tingkatan 2. Metodologi yang digunakan ialah kualitatif dan kuantitatif. Sampel kajiannya adalah seramai 37 orang pelajar kelas 2H daripada 500 orang pelajar tingkatan 2 di sebuah sekolah di Cheras. 37 orang pelajar rawatan iaitu 20 orang pelajar perempuan dan 17 orang pelajar lelaki.

Instrumen penilaian pengkaji adalah menggunakan soal selidik, ujian pencapaian sejarah tingkatan 2 (ujian pra dan pasca), persediaan mengajar, protocol temu bual dan boring pemerhatian. Tatacara pengumpulan data pula menggunakan Ujian-t, statistic deskriptif, peratusan. Hasil daripada kajian dan penemuan baru pengkaji adalah berlakunya perubahan sikap pelajar terhadap mata pelajaran sejarah selepas didedahkan kepada pengajaran menggunakan peta konsep. Pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Sejarah telah meningkat dengan ketara selepas diajar menggunakan peta konsep. Pelajar juga menunjukkan minat yang tinggi terhadap mata pelajaran Sejarah yang secara tidak langsung telah meningkatkan pencapaian mata pelajaran Sejarah tersebut.

Metodologi

Pengkaji memilih menggunakan kajian kuantitatif dalam mengumpul maklumat berkaitan kajian yang dijalankan. Kajian kuantitatif merupakan satu kajian yang menggunakan analisis statistic, iaitu lebih bersifat objektif dan berorientasikan kepada hasil. Merujuk kepada istilah 'kuantiti' ia membawa erti berapa banyak atau bilangannya. Kuantiti merujuk kepada bilangan yang diskrit, yang dinyatakan dengan tepat. Berdasarkan kepada istilah kuantiti, penyelidikan kuantitatif dikaitkan dengan data numerika dan ketepatan. Ia berdasarkan kaedah penyelidikan inkuiri positivis di mana penyelidikan dilakukan melalui kajian eksperimental dan data numerika yang dipungut dianalisis dengan ujian statistic. Melalui penyelidikan kuantitatif, maslaah kajian dinyatakan dengan bentuk hipotesis.

Sampel kajian meliputi 95 pelajar tahun lima dari Sekolah Kebangsaan Taman Indahpura 1. Daripada jumah keseluruhan murid, pengkaji telah mengambil 50 orang sebagai responden dan semua murid ini telah menerima Pendidikan awal selama 5 tahun di Sekolah Kebangsaan Taman Indahpura 1, di mana mata pelajaran Pendidikan Islam digunakan sebagai subjek teras. 4 responden lagi terpilih bagi menjalani temu ramah untuk sampel kajian ini. Topik yang akan digunakan untuk menguji murid di dalam ujian pra dan ujian pasca ialah Tayammum dan termasuk di dalam mata pelajaran Pendidikan Islam

Kajian kuantitatif telah dipilih untuk mengumpul maklumat berkaitan kajian yang dijalankan. 50 responden di kalangan para pelajar telah dipilih untuk kajian ini. Seramai 21 orang pelajar lelaki dan 29 pelajar perempuan terlibat di dalam kajian ini. Seramai 50 orang pelajar ini akan menjalani ujian pra dan ujian pasca seta soal selidik manakala 4 orang daripada 50 orang pelajar ini akan ditemuramah.

Untuk ujian pra dan ujian pasca, para pelajar akan menjalaninya selama 2 sesi. Yang pertama ujian tanpa menggunakan peta i-THINK dan yang kedua selepas menggunakan peta i-THINK. Soal selidik diedarkan selepas semua para pelajar menjalani kedua-dua sesi ujian pra dan ujian pasca. Sementara temubual yang melibatkan 4 orang pelajar sahaja dijalankan selepas selesai kedua-duanya.

Dapatan

Ujian pra dan ujian pasca

Hasil dapatan menunjukkan terdapat peningkatan daripada segi pencapaian kebanyakan para pelajar. Walaupun pada dasarnya peningkatan yang ditunjukkan tidak terlalu ketara tetapi melalui ujian pasca dapat dilihat bahawa penggunaan i_THINK di dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di bawah tajuk Tayammum ini sedikit sebanyak dapat membantu mencetuskan inovasi dan kreativiti palajar dalam proses pembelajaran. Sekali gus meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) mereka. Peningkatan ini menunjukkan penggunaan peta pemikiran i-THINK di dalam proses pengajaran dan pembelajaran dapat membantu para pelajar meningkatkan tahap pemahaman dan kepekaan mereka terhadap sesuatu subjek. Peningkatan dari segi peratusannya juga menunjukkan satu peningkatan yang positif di mana menunjukkan

keberhasilan penggunaan peta pemikiran i-THINK di dalam pendidikan agama Islam di bawah tajuk Tayammum. Peningkatan ini juga menunjukkan bahawa peta pemikiran i-THINK dapat diaplikasikan bagi membantu pelajar lebih memahami tajuk Tayammum dengan lebih mudah dan tepat serta dapat mengingatinya dengan cepat.

Soal selidik

Di dalam soal selidik, di antara soalan yang disoal ialah Tentang sikap dan minat pelajar terhadap mata pelajaran dan guru Pendidikan Islam secara umum dan berdasarkan data yang didapati seramai 70% daripada responden sangat meminati mata pelajaran Pendidikan Islam. 30% daripada responden berpendapat bahawa mempelajari mata pelajaran Pendidikan Islam menggalakkan mereka berfikir sementara 66% daripada responden berpendapat pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Islam memberi kesan mendalam di dalam kehidupan mereka. 70% daripada responden bersetuju yang mereka menjalankan kewajipan yang diperintahkan Allah selepas mendengar penerangan guru dan seramai 54% responden menyatakan mata pelajaran Pendidikan Islam membantu mereka menjadi Muslim yang baik.

44% daripada responden mengetahui dengan jelas apa itu peta pemikiran i-THINK sementara 465 memahami penggunaan kesemua jenis peta pemikiran i-THINK. Seramai 56% daripada responden suka menggunakan peta pemikiran i-THINK apabila mengulangkaji pelajaran. Seramai 40% daripada responden menyatakan mereka lebih mudah memahami isi pelajaran menggunakan peta pemikiran i-THINK berbanding bacaan nota. 38% bersetuju dengan kenyataan bahawa penggunaan peta pemikiran i-THINK menarik minat mereka untuk mengingati isi penting dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. 56% responden mengakui mereka tahu menggunakan semua 8 jenis peta pemikiran i-THINK semasa proses PdP Pendidikan Islam. 52% daripada responden menyatakan bahawa penggunaan peta pemikiran i-THINK membantu mereka mengingati isi penting dalam sesuatu tajuk yang dipelajari sementara 48% bersetuju penggunaan peta pemikiran i-THINK akan menjadikan mereka lebih yakin dalam menjawab soalan guru. 32% daripada responden bersetuju dengan kenyataan bahawa penggunaan peta pemikiran i-THINK mampu menjadikan mereka kreatif dan kritis.

Temubual

Seramai 4 orang responden telah dipilih untuk temubual, iaitu 2 orang pelajar lelaki dan 2 orang pelajar perempuan. Tidak kesemua responden yang ditemubual meminati penggunaan peta pemikiran i-THINK di dalam pembelajaran dan pengajaran. Responden meminati kuiz lebih daripada penggunaan peta pemikiran i-THINK. Andaian yang boleh dibuat tidak semua murid menyukai penggunaan peta pemikiran i-THINK. Minat itu datangnya daripada diri murid sendiri dan bagaimana mereka menerima penggunaan peta pemikiran sebagai alat untuk membantu mengingati isi pelajaran. Dan sebahagiannya merasakan peta pemikiran i-THINK adalah membebankan dan sukar untuk mencari isi dan maklumat untuk memenuhi peta tersebut apabila diminta oleh guru.

Perbincangan

Di dalam mengumpul maklumat serta data di dalam membuat kajian ini, kaedah kutipan data seperti soal selidik dan temu ramah telah dijalankan kepada murid Sekolah Kebangsaan Indahpura 1. Kutipan data juga dikutip dengan menggunakan ujian pra dan ujian pasca ke atas murid.

Tidak dinafikan bahawa di dalam proses pengumpulan data kita pastinya tidak akan boleh memperoleh data yang 100% tepat. Tambahan pula penggunaan kaedah soal selidik dalam mengumpul data di dalam kajian ini sebenarnya kurang tepat. Andaian yang boleh diperkatakan di sini, sewaktu kumpulan data yang dikumpulkan menggunakan kaedah soal selidik ini hamper 70% daripada 50 orang responden yang dipertanggungjawab untuk menjawab boring soal selidik yang diedarkan, tidak menjawab dengan jujur.

Oleh itu, data yang diperoleh tidak 100% tepat dan tidak boleh dikatakan bahawa semua murid di Sekolah Kebangsaan Indahpura 1 tidak berminat aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan penggunaan peta pemikiran i-THINK di dalam kelas. Begitu juga dengan penggunaan peta pemikiran i-THINK di dalam aktiviti mengulangkaji dan proses mencatat nota. Pengkaji tidak boleh terlalu berharap kepada data yang diperolehi melalui kaedah soal selidik. Walaupun pada dasarnya kaedah ini mudah dan digunapakai oleh kebanyakan pengkaji bagi mengutip data tetapi tetap juga ketepatan data yang diperolehi adalah kurang.

Proses dalam menjelaskan tentang peta pemikiran i-THINK kepada 27 orang murid tahun 5 mengambil masa yang lama. Boleh diandaikan bahawa sewaktu aktiviti pengajaran dan pembelajaran di sekolah, murid tidak diterapkan dengan penggunaan peta pemikiran i-THINK bagi melatih murid tersebut lebih berkemahiran dan kreatif dalam menggunakan 8 peta i-THINK di dalam pengajaran dan pembelajaran mahupun aktiviti yang lain-lain.

Proses mengajar 27 orang murid tahun 5 berkaitan dengan penggunaan peta pemikiran i-THINK telah mengambil masa yang agak lama untuk murid memahaminya berbanding dengan pengajaran yang dilakukan di dalam bentuk nota biasa. Sebagai sampel kepada ujian pra dan pasca yang dijalankan ke atas 27 orang murid di bawah tajuk Tayammum.

Sewaktu pengajaran tajuk Tayammum dijalankan tanpa penggunaan peta pemikiran i-THINK dapat dilihat 27 orang murid than 5 lebih tenang belajar dan mudah faham. Berbeza pula apabila pengajaran tajuk Tayammum dijalankan dengan menggunakan peta pemikiran i-THINK. Murid lebih banyak bertanya dan pengajaran perlu diulang sehingga murid faham. Dari situ timbulnya permasalahan yang mungkin memerlukan jalan penyelesaian yang lain.

Penggunaan peta pemikiran i-THINK dapat meningkatkan kemahiran berfikir para pelajar. Mereka lebih cepat menangkap permasalahan dan menyelesaikan masalah dengan mudah dan cepat. Ini kerana dengan menggunakan konsep peta pemikiran i-THINK pelajar lebih memfokuskan kepada isi penting dan ringkasan nota yang mudah difahami oleh sebab kualiti visualnya lebih mudah untuk dilihat dan diingati.

Guru perlu memainkan peranan yang penting bagi meningkatkan penguasaan pelajar terhadap penggunaan peta pemikiran i-THINK. Guru perlu menggunakan peta pemikiran

i-THINK sewaktu aktiviti pengajaran dan pembelajaran dijalankan supaya pelajar lebih terbuka kepada penggunaan peta pemikiran i-THINK dalam membentuk nota dan mencari penyelesaian kepada permasalahan yang diberikan guru.

Penutup

Berdasarkan kepada hasil kajian yang diperoleh, hampir 65% murid tidak meminati penggunaan peta pemikiran i-THINK di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di sekolah/ Dapat disimpulkan bahawa kekurangan akses kepada penggunaan peta pemikiran i-THINK sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas menjadikan murid sudah terbiasa dengan kaedah penulisan dan catatan nota cara lama.

Oleh itu, daripada dapatan kajian yang diperoleh melalui ujian pra dan ujian pasca ke atas murid tahun 5 telah membuktikan bahawa keputusan yang diperolehi murid di dalam ujian yang dijalankan tidak menunjukkan sebarang perubahan yang besar kepada markah yang dicatatkan sebelum dan selepas penggunaan peta pemikiran i-THINK.

Ini menunjukkan bahawa penggunaan peta pemikiran i-THINK tidak memberi kesan yang sepenuhnya terhadap prestasi murid. Tetapi dapat dinyatakan bahawa di dalam kajian penggunaan peta pemikiran i-THINK hanya digunakan oleh murid berdasarkan kepada minat. Hanya sebahagian murid yang tahu dan memahami konsep penggunaan peta pemikiran i-THINK ini sahaja Berjaya dan berminat untuk menggunakannya. Selebihnya bergantung harap kepada penggunaan kaedah lama atau tradisional.

Boleh dikatakan tidak ramai lagi yang tahu bahawa penggunaan peta pemikiran i-THINK di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran murid dapat meningkatkan kemahiran berfikir murid. Murid lebih cepat menangkap permasalahan dan menyelesaikan masalah dengan mudah dan cepat. Ini kerana dengan menggunakan konsep peta pemikiran i-THINK murid lebih memfokuskan kepada isi penting dan ringkasan nota yang mudah difahami oleh sebab kualiti visualnya lebih mudah untuk dilihat dan diingati.

Dr Ismail Zain (2006) dalam tulisannya di akhbar Utusan Malaysia bertajuk 'Kepentingan Penggunaan Peta Pemikiran i-THINK' menyatakan bahawa pelbagai penyelidikan telah dibuat untuk membentuk dan menyusun strategi pembelajaran yang berkesan terhadap pelajar-pelajar. Pembelajaran secara hafalan memerlukan daya ingatan yang kuat tetapi ia tidak dapat membentuk insan yang kritis dan kreatif malah ia tidak sesuai pada zaman yang serba maju ini.

Oleh itu di dalam proses pembelajaran seseorang itu perlulah Menyusun strategi agar segala isi pelajaran yang diperolehi dapat diproses oleh otak dengan lebih mudah. Kaedah yang paling sesuai digunakan untuk membantu otak mengekal dan meningkatkan keberkesannya adalah dengan menggunakan peta pemikiran i-THINK. Penganalisaan data melalui pemetaan i-THINK merupakan salah satu ciri-ciri yang terdapat di Sekolah Bestari. Maka guru seharusnya memahirkan diri dan berusaha memperkenalkan kaedah peta pemikiran i-THINK ini kepada para pelajar.

Hasil daripada kajian yang dijalankan ini menunjukkan bahawa peta pemikiran i-THINK bukan sahaja perlu diaplikasikan untuk subjek Pendidikan Islam di bawah tajuk Tayammum, tetapi perlu dijadikan satu alat berfikir yang sangat berguna dan seharusnya diaplikasikan oleh semua guru mata pelajaran yang ada di sekolah untuk meningkatkan mutu belajar para pelajar di sekolah.

Rujukan

Cikgu Hailmi. (2013). i-THINK : Kemahiran Berfikir Secara Kreatif, Kritis dan Inovatif. <http://www.cikguhailmi.com/2013/11/i-think-kemahiran-berfikir-secara-kreatif-kritis-dan-inovatif.html>

Cikgu Nurul. <http://cikgunurul.wordpress.com/kemahiran-berfikir-aras-tinggi-kbat/>. Retrieved 6 May 2014.

Ee, A.M. (2005). Psikologi Pendidikan 3. Selangor : Penerbit Fajar Bakti

Ezwany binti Azmi & Siti Rahimah binti Hamat @ Mamat (2013). 'Keberkesanan Peta Minda untuk Meningkatkan Daya Ingatan Murid Tahun 4 dalam Mengenal Nama Negeri dan Ibu Negeri di Malaysia.' Seminar Penyelidikan Tindakan PISMP IPG Kampus Dato' Razali Ismail.

Ismail Zain (2005). 'Belajar Berkesan dengan Peta Minda.' Kuala Lumpur : Utusan Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). <http://www.ithink.org.my>

Woolfolk, A.E. (1994). Educational Psychology. 5th ed. Boston : Allyn and Bacon

Zahara Aziz & Nurliah Juir (2009). 'Penggunaan Peta Konsep untuk Meningkatkan Pencapaian Mata Pelajaran Sejarah bagi Pelajar Tingkatan 2.' Jurnal Pendidikan Malaysia. Vol 1 : p 3-15.